

Analisis Morfologi dalam Syair Perahu

Zurina Abdullah, Farah Nur-Rashidah Rosnan & Ahmad Nazeer Zainal Arifin

ABSTRAK

Kajian ini membicarakan salah satu karya Hamzah Fansuri yang merupakan ulama tasawuf dari Aceh, Indonesia, iaitu Syair Perahu. Objektif kajian ini adalah untuk menganalisis aspek morfologi yang terdapat dalam penulisan syair tersebut, selain untuk membuktikan ketokohan Hamzah Fansuri sebagai cendekiawan bahasa Melayu pada abad ke-16. Ketokohan Hamzah Fansuri dalam ilmu tasawuf banyak dilakarkan dalam bentuk penghasilan puisi, khususnya syair dengan penguasaan bahasa yang sangat tinggi. Analisis terhadap Syair Perahu ini menggunakan pendekatan struktural, iaitu melihat aspek morfologi secara deskriptif yang meliputi bentuk kata, golongan kata dan struktur kata. Hasil dapatan menunjukkan banyak penggunaan imbuhan awalan dan apitan, kata tugas, kata ganti nama diri, kata penguat dan sebagainya. Selain itu, syair ini turut diselitkan dengan penggunaan istilah bahasa Arab dan kalimah-kalimah zikir tertentu. Hasil analisis juga telah membuktikan bahawa Hamzah Fansuri sememangnya mempunyai ketokohan dan ketinggian ilmu dalam kesusasteraan dan bahasa Melayu.

Kata kunci: Syair Perahu, morfologi, ulama Aceh, deskriptif, Hamzah Fansuri.

ABSTRACT

This study discusses one of Hamzah Fansuri's masterpiece, a poetry entitled 'Perahu'. The objective of this study was to analyse the morphological aspects found in the writing of the poem, and to prove Hamzah Fansuri stature as a scholar of the Malay language in the 16th century. His devotion in sufism was translated into beautiful poems with his unique flair for language. The analyses of this poem used structural approach which is to determine morphological aspect descriptively which includes the study of words, how they are formed, and their relationship to other words in the same language. The study shows that there are lots of prefixes and suffixes, verbs, pronouns, stress and others. Other than that, this poem was infused with Arabic Language terms and some specific words of remembrance (zikr). The analysis also proved that Hamzah Fansuri certainly has the prestige and distinction of the literature and language.

Keywords: Syair Perahu, morphology, Aceh scholars, descriptive, Hamzah Fansuri.

Pengenalan

Perkembangan kesusasteraan Melayu berkembang pada abad ke-14 seiring dengan perkembangan bahasa Melayu klasik. Selepas kejatuhan kerajaan Melaka, bahasa Melayu menjadi semakin kukuh hingga tersebar luas ke kawasan pesisiran Sumatera, khususnya di Palembang dan Aceh. Kehalusan dan kesenian bahasa Melayu dalam memainkan pelbagai peranan dipaparkan dalam bentuk bentuk persuratan, iaitu melalui penulisan karya-karya puisi dan kitab-kitab agama yang banyak dihasilkan pada abad ke-16.

Antara tokoh-tokoh ulama terkenal yang banyak menyumbang dalam ilmu persuratan Melayu ialah Nuruddin al-Raniri, Hamzah Fansuri, Shamsuddin al-Sumatrani, Abdul Samad al-Falambani, Arshad al-Banjari dan Mohd Ismail Daud. Bagi memaparkan aspek kebahasaan, tokoh yang menjadi tumpuan dalam penulisan ini ialah Hamzah Fansuri kerana sumbangan beliau dalam kesusasteraan Melayu khususnya melalui penghasilan *Syair Perahu*.

Sheikh Hamzah Fansuri

Hamzah Fansuri merupakan seorang cendekiawan, ulama tasawuf, budayawan, dan sasterawan yang hidup pada penghujung abad ke-16 hingga awal abad ke-17. Berdasarkan keterangan dan bukti yang dikemukakan oleh kebanyakan sarjana, Hamzah Fansuri hidup semasa zaman kekuasaan Sultan 'Alauddin Riayat Syah, iaitu sekitar tahun 1588 hingga 1607. Beliau telah dilahirkan di Barus atau Fansur di sebuah kampung yang terletak di antara Kota Singkel dengan Gosong Telaga (Aceh Selatan). Bapanya bernama Syekh Ismail Aceh merupakan seorang gabenor di Kota Sri Banoi (2004).

Beliau dikenali sebagai salah seorang pelopor perkembangan kesusasteraan Melayu dan diakui sebagai pujangga Islam yang sangat popular sehingga namanya menghiasi lembaran sejarah kesusasteraan Melayu dan Indonesia. Ketokohan beliau juga digambarkan oleh Wan Mohammad Shaghir (2004) sebagai tokoh sasterawan sufi terbesar di dunia Melayu. Kehidupannya yang terpencil dan sentiasa mengembara dari satu tempat ke satu tempat ekoran kematian ibu bapanya sejak beliau masih kecil menjadikan beliau seorang sufi yang zuhud dan menguasai pelbagai ilmu fiqh, tasawuf, falsafah, mantik, sejarah, sastera dan bahasa. Hamzah Fansuri telah mengembara sehingga ke Arab, Semenanjung Tanah Melayu, India, Parsi dan Pulau Jawa. Justeru, beliau fasih berbahasa Urdu, Parsi, Arab, Melayu dan Jawa. Bahasa Melayu ialah bahasa ibundanya.

Hamzah Fansuri ialah pengembang ilmu Tarekat Wujudiyah yang berpegang pada tanggapan bahawa segala makhluk itu pada dasarnya esa kerana wujud daripada zat Allah. Dalam menggagaskan ilmu wahdatul wujud, beliau sangat terpengaruh dengan pandangan Ibnu Arabi yang berasal dari Sepanyol ketika beliau mengembara ke India dan Parsi. Sekembalinya ke Aceh, beliau telah mengajar doktrin wahdatul wujud dan Aceh ketika itu merupakan pusat perkembangan Islam yang pesat dalam abad ke-16 menggantikan kerajaan Melaka yang telah ditawan oleh Portugis pada tahun 1511.

Objektif Kajian

Penulisan ini dilakukan bertujuan untuk menganalisis aspek morfologi yang terdapat dalam teks *Syair Perahu* karya Hamzah Fansuri. Aspek ini dipilih untuk memaparkan ciri-ciri kebahasaan yang digunakan oleh Hamzah Fansuri melalui pemilihan kosa kata dalam penghasilan syairnya kerana beliau merupakan tokoh ulama yang berjaya mengangkat martabat bahasa Melayu ke taraf yang tinggi dalam penyebaran ilmu di Nusantara.

Tujuan seterusnya adalah untuk mengenengahkan ketokohan Hamzah Fansuri yang bukan sahaja merupakan ulama tasawuf yang hebat, bahkan juga merupakan cendekiawan bahasa dan kesusasteraan Melayu yang banyak menyumbang dalam hasil persuratan pada

abad ke-16. Beliau juga ialah tokoh ulama yang menjadi penyair hebat sehingga tiada penyair lain yang dapat menandingi hasil karyanya.

Sumbangan Hamzah Fansuri terhadap Perkembangan Kesusasteraan Melayu

Ketokohan Hamzah Fansuri dalam bidang bahasa dan kesusasteraan Melayu sememangnya tidak dapat disangkal. Beliau merupakan penyair Melayu pertama yang mengubah syair-syair bersifat agama. Hamzah Fansuri telah menghasilkan syair yang lebih bersifat Melayu berbanding syair-syair sebelum ini yang mengikut bentuk syair Arab. Syair bahasa Melayu mempunyai beberapa variasi yang bergantung pada rimanya (Harun Mat Piah, 1989). Beliau ialah orang pertama yang memperkenalkan syair dan puisi empat baris. Kandungan puisinya sukar ditandingi oleh penyair lain yang sezaman atau selepasnya. Sesetengah pendapat melihat struktur syair yang diperkenalkan Hamzah Fansuri seolah-olah paduan antara sajak Parsi dengan pantun Melayu. Antara syair-syair ciptaan beliau ialah *Syair Burung Pingai*, *Syair Dagang*, *Syair Burung Pungguk*, *Syair Sidang Fakir*, *Syair Ikan Tongkol*, *Asrar al-Arifin*, *Sharab al-Asyikin*, dan *Zinat al-Muwahidin*.

Hamzah Fansuri telah berjaya meletakkan asas-asas nilai estetika dan puitika Melayu dalam karya-karyanya. Dalam bidang kebahasaan, beliau telah memberi sumbangan sebagai penulis kitab keilmuan berbahasa Melayu. Beliau telah berjaya mengangkat bahasa ibundanya itu menjadi bahasa intelektual dan memberikan ekspresi keilmuan yang hebat. Justeru, bahasa Melayu mempunyai kedudukan yang sangat penting dalam bidang penyebaran ilmu dan persuratan sehingga mengungguli bahasa-bahasa Nusantara yang lain ketika itu.

Melalui penelitian terhadap *Syair Perahu*, didapati Hamzah Fansuri amat bijak mengadunkan ilmu tasawuf dengan kesenian penggunaan bahasa Melayu yang tinggi. Perjuangan beliau dalam proses Islamisasi bukan sahaja mampu mengubah akidah pembaca syair ini, bahkan juga beliau telah berjasa dalam proses Islamisasi bahasa Melayu itu sendiri. Islamisasi bahasa akan memberi kesan terhadap Islamisasi pemikiran dan budaya. Syair beliau bukan sahaja memperkaya perbendaharaan kata bahasa Melayu tetapi juga menyepadukan aspek kehidupan dalam sistem bahasa. Hamzah Fansuri juga dikatakan penyajak Melayu pertama yang menggunakan syair dalam tulisan agama.

Teks Kajian

Syair Perahu merupakan syair yang tergolong dalam jenis berbentuk nasihat dan pengajaran agama. Syair ini terdiri daripada 40 rangkap yang mempunyai empat baris dalam setiap rangkap. Setiap baris mengandungi 4 hingga 6 perkataan, serta bilangan suku kata sekitar 8 hingga 14 suku kata. Setiap baris mempunyai bunyi rima akhir yang sama, iaitu *a,a,a,a*. Teks ini dipilih kerana bahasanya yang tinggi tetapi mudah difahami oleh pembaca.

Selain itu, untuk menganalisis sesuatu aspek dalam sesebuah teks, kepanjangan kandungan teks turut memainkan peranan penting. Berdasarkan perbandingan dengan syair-syair lain karya Hamzah Fansuri, *Syair Perahu* didapati sesuai untuk dianalisis dan kandungannya dapat menepati objektif penulisan ini. Penulisan *Syair Perahu*

menggunakan perumpamaan perahu sebagai manusia yang menjalani kehidupan di dunia yang penuh dengan cabaran begitu juga dalam pelayaran sebuah perahu. Beliau amat arif dengan istilah-istilah pelayaran dan peralatan dalam sebuah perahu kerana tempat kelahiran beliau yang sememangnya merupakan kawasan pantai, iaitu di Kecamatan Singkil, Aceh.

Analisis Kajian

Konsep morfologi merupakan salah satu elemen penting bagi setiap bahasa. Morfologi ialah satu aspek kajian tatabahasa tentang struktur, bentuk, dan penggolongan kata. Morfologi dalam syair ini amat penting untuk dilihat dan dikaji kerana keindahan pemilihan kata oleh Hamzah Fansuri dalam syair ini. Bagi melihat aspek morfologi yang terdapat dalam teks *Syair Perahu*, analisis akan dibahagikan kepada beberapa aspek, iaitu struktur kata, bentuk kata, dan golongan kata. Dalam aspek pertama, iaitu struktur kata, pengkaji akan mengeluarkan kosa kata pinjaman sama ada kata pinjaman tersebut telah terserap ke dalam bahasa Melayu atau belum. Selain itu, bentuk-bentuk istilah ayat-ayat al-quran juga akan dipaparkan.

Bagi analisis bentuk kata, pengkaji akan melihat sama ada keempat-empat bentuk kata yang terdapat dalam bahasa Melayu ada digunakan oleh Sheikh Hamzah Fansuri atau tidak dalam *Syair Perahu*. Empat bentuk kata dalam bahasa Melayu ialah bentuk kata tunggal yang merangkumi akronim, kata terbitan, kata ganda dan kata majmuk. Seterusnya, dalam analisis ketiga, iaitu golongan kata, pengkaji akan mengeluarkan keempat-empat golongan kata dalam bahasa Melayu, iaitu kata nama, kata kerja, kata adjektif atau sifat dan kata tugas.

i. Struktur kata

Struktur kata merupakan aspek susunan bunyi ujaran atau lambang (tulisan) terhadap sesuatu kata. Terdapat juga struktur kata yang dipinjam daripada bahasa Arab. Dalam syair ini dapat digambarkan bahawa Hamzah Fansuri merupakan ulama tasawuf yang amat berpengaruh dan mempunyai kemahiran ilmu falsafah dan analogi yang tinggi. Sebagai seorang ulama yang mahir dalam seluruh sektor ilmu Arabiyah, istilah bahasa Arab sememangnya tidak asing dalam karyanya. Kosa kata *Syair Perahu* banyak menggunakan kata pinjaman daripada bahasa Arab. Kosa kata dilihat terdiri daripada bentuk tunggal dan bentuk terbitan. Kosa kata bentuk tunggal ialah *i'tikat* dalam rangkap 1 baris 4 (R1B4), *tamsil* (R2B2), *insan* (R3B4), *alat* (R4B1), *taksir* (R5B3), *kabir* (R5B4), *baid* (R9B4), *wahid* (R15B1), *al-kahhar* (R15B1), *muhit* (R18B2), *na'am* (R18B4), *ahad* (R21B1), *istinja'* (R23B1), *tawakkul* (R23B3), *insap* (R33B3), *gaib* (R34B3), *da'im* (R35B3), *ka'im* (R35B3), *khalak* (R35B4), *kadim* (R39B2).

Kosa kata yang berbentuk terbitan adalah seperti *berkhalwat* (R26B4), dan ada juga yang mengalami penambahan imbuhan berbentuk feminin seperti *musyahadah* (R16B4), *azamah* (R17B3), *taharat* (R23B1), *iradat* (R25B2), *kudrat* (R25B3), *salat* (R24B1), dan *tam'ah* (R26B3). Selain itu, Hamzah Fansuri juga menggunakan kalimah syahadah *La ilaha illallahu* pada lapan baris pertama dari rangkap 33 hingga 40, dan lafaz zikir-zikir lain seperti *Allahu Akbar* (R24B3), *subhan Allah* (R24B4), dan *Wallahu a'lam* (R25B1). Contoh petikan dalam teks pada rangkap 24 ialah:

Salat akan nabi tali bubutannya,
istigfar Allah akan layarnya,
"Allahu Akbar" nama anginnya,
subhan Allah akan lajunya.

Selain penggunaan istilah bahasa Arab dan zikir-zikir, ketokohan Hamzah Fansuri sebagai cendekiawan bahasa juga dapat dilihat melalui penggunaan bahasa-bahasa lain. Beliau menggunakan turut bahasa Sanskrit. Perkataan yang digunakan ialah *maha* (R16B1) dan *surga* (R25B4). Kedua-dua perkataan ini merupakan perkataan yang telah diserap ke dalam bahasa Melayu. Sebagai seorang tokoh yang lahir di Aceh, bahasa Indonesia juga terdapat dalam syair ini. Beliau sememangnya menguasai bahasa Jawa. Justeru, dalam *Syair Perahu* berkemungkinan terdapat juga penggunaan perkataan dari bahasa Indonesia seperti *hiu* (R13B3), *uang* (R28B3), *berbeda* (R38B4), *niscaya* (R5B4), *pedoman* (R3B2, R9B3), *topan* (R13B2) dan *rusak* (R7B2, R18B3).

ii. Bentuk kata

Berdasarkan analisis yang dilakukan terhadap *Syair Perahu*, didapati bentuk kata yang digunakan dalam karya ini melibatkan bentuk kata tunggal, kata terbitan, iaitu kata yang mengalami proses pengimbuhan, kata majmuk dan kata ganda. Hampir sebahagian daripada perkataan dalam teks *Syair Perahu* terdiri daripada bentuk kata tunggal, iaitu kata yang tidak menerima sebarang imbuhan atau tidak mengalami proses pengandaan dan perangkaian.

iii. Kata terbitan

Hamzah Fansuri banyak menggunakan imbuhan dalam karya ini kerana sifat sesebuah syair adalah berbentuk naratif (penceritaan) yang dilakarkan dalam bentuk puitis. Melalui imbuhan, sesuatu golongan kata boleh diubah. Justeru, imbuhan memainkan peranan yang amat penting bagi memaparkan serta menghidupkan penceritaan bagi menyampaikan mesej yang tepat.

Analisis terhadap teks mendapati terdapat penggunaan tiga jenis imbuhan, iaitu imbuhan awalan, akhiran dan apitan. Imbuhan ini juga dikenali sebagai penambah (Asmah, 2014). Setiap jenis imbuhan akan membawa kepada golongan tertentu, iaitu imbuhan kata nama, imbuhan kata kerja dan imbuhan kata adjektif atau sifat. Imbuhan juga boleh dikategorikan kepada dua bentuk, iaitu imbuhan aktif dan pasif.

iv. Imbuhan awalan

Imbuhan awalan merupakan imbuhan yang ditambahkan pada bahagian hadapan kata dasar. Dalam teks ini, terdapat 13 imbuhan awalan yang digunakan. Terdapat empat imbuhan awalan kata nama yang terdapat dalam *Syair Perahu*, iaitu imbuhan *pen-*, contohnya *pendarat* (R11B1); *peng-*, contohnya *pengayuh* (R4B3); *per-*, contohnya *perteguh* (R4B1, R6B1, R10B1), *permata* (R14B4), *perbaik* (R15B4); dan *juru-*, contohnya *jurubatunya* (R23B3).

Imbuhan awalan kata kerja pula ada sembilan, yang terdiri daripada imbuhan aktif dan pasif. Imbuhan pasif melibatkan imbuhan *ber-*, contohnya *berpindah* (R1B3, R16B2, R17B2, R26B2, R35B2), *bertemu* (R11B2), *berubah* (R17B4, R35B3, R40B2), *bertambah*

(R19B2, R31B2), *berlabuh* (R20B4), *berlayar* (R21B4), *berkhalwat* (R26B4), *bertutur* (R27B3), *berbincang* (R32B4), *berbeda* (R38B4), *berdamai* (R39B2), dan *bercerai* (R39B4); *bel-*, contohnya *belajar* (R21B3); *me-*, contohnya *menanti* (R6B4); *ter-*, contohnya *terkejut* (R13B4), *tersungkur* (R27B2) dan *terbaring* (R29B2); *men-*, contohnya *menjadi* (R20B2) dan *menurut* (R13B3); *mem-*, contohnya *membawa* (R8B4, R28B4, R37B4) dan *memandang* (R34B3); *meny-*, contohnya *menyarang* (R8B3) dan *menyelam* (R14B3); dan *meng-*, contohnya *mengintai* (R39B1). Imbuan pasif pula terdiri daripada imbuan *ter-*, iaitu pada contoh *terbuang* (R28B4), *terhisab* (R30B1); dan *di-*, contohnya *dikapit* (R9B3). Imbuan kata adjektif ada satu, iaitu *ter-*, contohnya *terlalu* (R1B2, R9B1, R31B3, R34B1, R39B3, R40B4), *terhancur* (R27B4), *terbilang* (R31B4), dan *tersurat* (R33B3).

v. Imbuan akhiran

Imbuan akhiran ialah imbuan yang ditambahkan pada bahagian belakang kata dasar. Terdapat dua jenis imbuan akhiran iaitu *-an*, dan *-kan* yang merupakan imbuan aktif. Manakala imbuan pasif seperti *-i*. Berdasarkan analisis terhadap *Syair Perahu*, terdapat dua imbuan, iaitu imbuan aktif *-kan*, contohnya *kerjakan* (R3B3), *hasilkan* (R10B2), *pakaikan* (R36B3); *-an*, contohnya *songsonian* (R15B3); dan *hapuskan* (R38B3); *-an*, contohnya *gerangan* (R1B1), *tambahan* (R20B3), dan *karangan* (R26B1); dan imbuan pasif *-i*, contohnya *ingati* (R19B1, R19B4, R20B1), dan *betuli* (R12B3).

vi. Imbuan apitan

Imbuan apitan ialah imbuan yang ditambahkan serentak pada hadapan dan belakang kata dasar. Analisis terhadap *Syair Perahu* memperlihatkan penggunaan imbuan apitan sebanyak 10 jenis yang melibatkan imbuan kata nama dan kata kerja. Imbuan kata nama hanya terdiri daripada satu jenis, iaitu *per-...-an*, contohnya *pergantungan* (R33B2), *pertemuan* (R40B4).

Imbuan kata kerja terdiri daripada *per-...-i*, contohnya *perbetuli* (R17B4), *perbaiki* (R18B4). Imbuan ini membawa fungsi imbuan pasif kerana boleh wujud dalam bentuk *diperbetuli* (R1B4). Selain imbuan ini, bentuk pasif juga dapat dilihat melalui contoh imbuan *di-...-i*, contohnya *disusahi* (R28B3); *di-...-kan*, contohnya *dilalaikan* (R33B4). Imbuan-imbuan lain hadir dalam bentuk aktif, iaitu imbuan *mem-...-kan*, contohnya *memadamkan* (R37B2); *meng-...-kan*, contohnya *mengarangkan* (R1B2, R26B2); *meny-...-kan*, contohnya *menanyakan* (R29B4), *menyampaikan* (R36B4), *menyatakan* (R40B2); *mem-...-i*, contohnya *membetuli* (R1B3, R3B4); dan *ke-...-an*, contohnya *kesudahan* (R38B1).

vii. Kata majmuk

Kata majmuk ialah bentuk kata yang dihasilkan melalui proses yang merangkaikan dua kata dasar atau lebih yang membawa makna tertentu. Kata majmuk bertindak atau berfungsi sebagai satu unit dan kebiasaannya dieja secara terpisah. Analisis terhadap teks, mendapati Hamzah Fansuri menggunakan kata majmuk yang bersifat rangkai kata bebas. Kata majmuk yang terdapat dalam syair ini ialah *anak dagang* (R8B1), *tali sauh* (R10B2), *permata nilam* (R14B4), dan *tali bubutan* (R24B1) yang bersifat kata nama am manakala yang membawa kepada kata nama khas ialah *Laut Kulzum* (R18B1), *Laut Silan* (R14B1), dan tajuk syair ini sendiri, iaitu *Syair Perahu*.

viii. Kata ganda

Selain bentuk kata berimbuhan, bentuk kata yang digunakan dalam penulisan *Syair Perahu* juga melibatkan bentuk kata ganda. Kata ganda ialah bentuk kata yang dihasilkan dengan menggandakan atau mengulangi kata dasar sama ada kata ganda tersebut diulang secara keseluruhan atau pada bahagian-bahagian tertentu, dan dengan imbuhan atau tanpa imbuhan. Ia ditandai dengan tanda baca sempang (-). Penggunaan kata dalam *Syair Perahu* hadir bersama-sama imbuhan. Ada tiga sahaja bentuk kata ganda yang digunakan oleh Hamzah Fansuri dalam syair ini, iaitu *semata-mata* (R38B2), *permudah-mudah* (R35B1) dan *bersungguh-sungguh* (R37B4).

ix. Golongan Kata

Penulisan *Syair Perahu* adalah menggunakan bahasa Melayu. Sehubungan itu, golongan kata yang terdapat dalam syair ini tidak lari daripada empat golongan kata bahasa Melayu, iaitu kata nama, kata kerja, kata adjektif dan kata tugas. Dalam menganalisis golongan kata nama, pembahagian boleh dibuat dalam tiga jenis, iaitu kata nama khas, kata nama am dan kata ganti nama diri. Hamzah Fansuri banyak menggunakan kata nama khas, contohnya *Laut Silan* (R14B1, R15B1), *Laut Kulzum* (R18B1), kalimah *Allah* (R22B1) yang banyak digunakan dalam syair ini, *Surga Jannat an Naim* (R25B4), dan *Munkar wa Nakir* (R29B3). Kata nama am sememangnya amat banyak dalam syair ini. Beliau banyak menggunakan isitilah-istilah pelayaran kerana ibarat yang digunakan dalam syair ini ialah kehidupan dengan pelayaran sesebuah perahu. Justeru, kata nama am yang digunakan ialah *perahu* (R2B2), *dayung pengayuh* (R4B3), *sauh dan layar* (R5B2), *ikan dan hiu* (R6B3), *tali sauh* (R10B2), *anak dagang* (R8B1), dan sebagainya.

Bagi kata ganti nama diri pula dapat dilihat melalui penggunaan kata ganti nama diri singkat, contohnya *mu* dalam rangkap dua yang dinyatakan pada setiap akhir baris rangkap tersebut;

Wahai muda kenali dirimu,
ialah perahu tamsil tubuhmu,
tiadalah berapa lama hidupmu,
ke akhirat jua kekal diammu.

Selain itu, terdapat juga kata ganti nama diri singkat *nya* contohnya dalam perkataan *anginnya* (R10B3), *pulaunya* (R10B4). Kata ganti nama diri penuh yang banyak digunakan oleh Hamzah Fansuri dalam syair ini ialah *engkau* (R10B1, R12B4, R13B1), dan *kamu* (R7B4).

Golongan kata kerja pula dapat dibahagikan kepada dua jenis, iaitu kata kerja transitif dan kata kerja tak transitif. Kata kerja transitif ialah kata kerja yang memerlukan objek dan boleh hadir dalam dua bentuk, iaitu aktif dan pasif. Contoh bagi kedua-dua bentuk ini boleh dilihat dalam bahagian bentuk kata yang telah dihuraikan di atas. Contoh kata kerja tak transitif, iaitu kata kerja yang tidak memerlukan objek ialah *menyelam* (R14B3), *berpindah* (R16B2), *tenggelam* (R19B4), dan *bercerai* (R39B4).

Seterusnya, bagi golongan kata adjektif atau kata sifat dapat dibahagikan kepada beberapa jenis berdasarkan fungsinya. Dalam bahasa Melayu, kata adjektif dibahagikan

kepada sembilan jenis, iaitu sifat atau keadaan, warna, ukuran, bentuk, waktu, jarak, cara, perasaan dan pancaindera. Berdasarkan analisis terhadap teks Syair Perahu, didapati Hamzah Fansuri menggunakan beberapa jenis kata adjektif. Pertama, adjektif sifat atau keadaan, contohnya *sempurna* (R5B4), *teguh* (R11B4), *rencam* (R12B2), *garang* (R31B2). Kedua, adjektif ukuran, contohnya *besar* (R15B2), *panjang* (R31B3). Ketiga, adjektif waktu, contohnya *siang dan malam* (R18B4). Keempat, adjektif jarak, contohnya *sempit* (R6B2), *dalam* (R14B1), *jauh* (R10B4). Kelima, adjektif cara, contohnya *laju* (R4B4). Keenam, adjektif perasaan, contohnya *insap* (R33B3); dan ketujuh adjektif pancaindera, contohnya *tajam* (R7B3), *indah* (R16B1), dan *kelam dan dingin* (R32B3).

Golongan kata yang terakhir ialah kata tugas yang merupakan golongan kata pelbagai jenis sama ada berfungsi sebagai penghubung, penerang, penentu, penguat, pendapan, pembantu, penegas, pembenar atau tugas-tugas lain. Hamzah Fansuri didapati menguasai penggunaan kata tugas dengan baik sehingga dapat mengolah penulisan syairnya dengan amat baik dengan penggunaan retorik yang menarik.

Penggunaan kata tugas yang terdapat dalam *Syair Perahu*, pertamanya ialah kata hubung, contohnya *dan* (R4B2), *yang* (R12B2); kata tanya, contohnya *di manakan* (R9B2), *siapa* (R27B3); kata perintah, contohnya *jangan* (R29B1); kata bantu, contohnya *sudah* (R26B4), *selalu* (R20B3); kata penguat, contohnya *terlalu* (R9B4); kata penegas, contohnya *jantanlah* (R5B3), *selamatlah* (R16B4), *sungguhpun* (R14B3); kata pemerih, contohnya *ialah* (R2B2); kata sendi nama, contohnya *di* (R1B4), *ke* (R2B4), *seperti* (R7B3), *dengan* (R10B2), *akan* (R23B3); kata arah, contohnya *sana* (R1B4), *tengah* (R8B4), *dalam* (R26B3), *balik* (R27B4), *belakang* (R13B3); kata bilangan, contohnya *berapa* (R2B3), *banyak* (R6B3); dan kata pembenda, contohnya *muaranya* (R6B2), *karangnya* (R7B3), *riaknya* (R8B2). Penggunaan kata pembenda yang paling ketara dalam *Syair Perahu* dinyatakan dalam rangkap 21 hingga 25, contohnya rangkap 21, iaitu:

Sampailah ahad dengan masanya,
datanglah angin dengan paksanya,
belajar perahu sidang budimannya,
berlayar itu dengan kelengkapannya.

Bagi golongan kata tugas, Hamzah Fansuri didapati menggunakan 11 jenis kata tugas daripada 17 jenis yang ada dalam bahasa Melayu. Beliau tidak terikat dengan bentuk bahasa Melayu klasik dengan tidak menggunakan kata pangkal ayat dalam syair ini.

Kesimpulan

Kesimpulannya, berdasarkan analisis terperinci terhadap aspek morfologi dalam teks *Syair Perahu*, dapat dikatakan bahawa penggunaan bahasa Melayu oleh Hamzah Fansuri memperlihatkan bentuk seperti bahasa Melayu yang digunakan sekarang. Ketokohan ulama ini sebagai cendekiawan bahasa Melayu bukan sahaja terserlah melalui penghasilan karya-karya sufi yang puitis, bahkan juga beliau mampu menterjemahkan ilmu dan dakwahnya melalui penggunaan bahasa yang baik sehingga mampu menandingi karya-karya pada zaman-zaman selepasnya. Walaupun *Syair Perahu* ini ditulis pada sekitar abad ke-16, namun dari aspek morfologi, didapati penggunaan bahasa yang digunakan oleh beliau pada masa itu boleh dikelaskan dalam kategori bahasa Melayu moden sedangkan pada zaman tersebut kebanyakan hasil penulisan menggunakan bahasa Melayu klasik.

Hasil penelitian juga didapati Hamzah Fansuri menggunakan kesemua aspek dalam morfologi dalam pengadunan penulisan syair sufinya, iaitu *Syair Perahu*.

Rujukan

- Asmah Hj. Omar. 2014. *Nahu Melayu Mutakhir*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Harun Mat Piah. 1989. *Puisi Melayu Tradisional*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. 2011. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Safiah Karim et.al. 2010. *Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wan Mohd Shaghir Abdullah. 2004. *Tafsir puisi Hamzah Fansuri dan karya-karya shufi*. Kuala Lumpur: Khazanah Fataniyyah.